

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL



PruBSN
aman

#KitaMuafakat



#KITAMUAFAKAT

Kita hidup dalam komuniti. Sama ada di kota mahupun di luar bandar, kehidupan kita saling berhubung kait dalam pelbagai cara. Kita saling menjaga satu sama lain dan menjaga komuniti kita, selain daripada rakan-rakan dan keluarga. Ketika berdepan saat-saat memerlukan, setiap daripada kita akan berkumpul dan saling membantu. Inilah semangat muafakat dan *Ta'awun* (pertolongan bersama).

Sekarang, kami mempermudah individu untuk mempraktikkan pertolongan bersama dan membantu komuniti yang lebih meluas untuk mendapatkan perlindungan hayat yang diperlukan menerusi konsep Peer-to-Peer (P2P)* menggunakan aplikasi mudah alih. Hanya sepantas beberapa klik, anda boleh menjadi sebahagian daripada komuniti ini.

Dengan semangat #KitaMuafakat, kami memperkenalkan kepada anda, **PruBSN Aman**.

*Rangkaian pembahagian risiko di mana setiap individu dalam komuniti berkongsi kos risiko yang telah ditetapkan.

MEMPERKENALKAN PRUBSN AMAN

PruBSN Aman adalah sejenis aplikasi mudah alih yang menggabungkan aspek Takaful, pertolongan bersama dan konsep P2P, dalam satu. Melalui penyertaan anda dalam **PruBSN Aman**, anda boleh **berhubung dengan komuniti secara serta-merta dan dilindungi pada masa yang sama**.

PruBSN Aman bertujuan untuk menjadikan proses langganan lebih **mudah, telus dan berpatutan** agar anda boleh melanggan pada bila-bila masa, di mana jua.

Walaupun **PruBSN Aman** adalah produk yang berasaskan Syariah, ciri kemuafakatan komuniti beretika aplikasi ini bersifat universal dan pelan ini tersedia untuk semua orang dari semua latar belakang agama dan kepercayaan.

MENYEDIAKAN ANDA UNTUK KETIDAKPASTIAN

Sebagai peserta komuniti **PruBSN Aman**, anda bukan sahaja dapat membantu para peserta lain di dalam komuniti ini. Malah, anda juga akan dilindungi dengan manfaat sebanyak **RM10,000** sekiranya berlaku peristiwa malang.

Pengurusan pengebumian sewaktu anda menghadapi situasi menduga memang sesuatu yang mencabar. Namun, dengan **PruBSN Aman**, anda hanya perlu memaklumkan kepada penama anda mengenai pengaturan anda dengan **PruBSN Aman**. Sekiranya berlaku kematian, penama anda hanya perlu menghubungi rakan usahasama kami, MyAngkasa Mukmin, iaitu penyedia perkhidmatan pengebumian yang akan membantu anda menguruskan pengebumian berdasarkan undang-undang Syariah.

MyAngkasa Mukmin akan membantu menguruskan pengebumian sehingga akhir. Anda kini tidak perlu lagi bimbang kerana anda telah menyediakan keluarga anda untuk menghadapi ketidakpastian sekiranya berlaku kematian.



BAGAIMANA PRUBSN AMAN BERFUNGSI?

SENARIO 1



+RM90
Akaun Bersama

Setiap peserta yang melanggan **PruBSN Aman** akan membayar sumbangan pendahuluan sebanyak RM120. RM30 akan ditolak untuk caj *Wakalah*. Baki sumbangan RM90 akan dimasukkan ke dalam Akaun Bersama.



3,000 peserta
dalam bulan
Mei 2020

Contoh:

RM90 x bilangan peserta

RM90 x 3,000 = **RM270,000** adalah jumlah sumbangan pendahuluan yang dibuat oleh semua peserta untuk menyokong pembayaran tuntutan.

Saling berkongsi kos



Akaun Bersama hanya akan ditolak apabila terdapat tuntutan kematian dalam komuniti.

Sebagai contoh, jika terdapat **2 kes kematian** dalam komuniti dalam bulan Julai, oleh itu;

2 tuntutan kematian x RM10,000 + 4% tuntutan caj *Wakalah* = **RM20,800** adalah jumlah pembayaran tuntutan daripada Akaun Bersama.



Sekiranya terdapat 3,000 peserta dalam bulan Julai 2020, pembayaran tuntutan akan dikongsi bersama jumlah peserta semasa:

$$\text{RM20,800} / 3,000 = \text{RM6.93}$$

Jadi, RM6.93 akan ditolak daripada Akaun Bersama setiap peserta **PruBSN Aman**.

SENARIO 2

Bulan
Semasa
(1 Julai)



Baki
Permulaan
dalam Akaun
Bersama
= **RM42**

Pada bulan Jun, 9 tuntutan kematian dibuat dengan jumlah sebanyak RM93,600. Sekiranya terdapat seramai 3,000 peserta dalam bulan Jun, bayaran tuntutan keluar ini akan dikongsi sama rata dengan 3,000 peserta tersebut.

$$\text{RM93,600 (pembayaran tuntutan) / 3,000 (bilangan peserta) = RM31.20 (jumlah potongan)}$$

Oleh itu, RM31.20 akan ditolak pada 1 Julai bagi setiap peserta.

Walau bagaimanapun, **oleh kerana potongan maksimum setiap bulan dihadkan pada RM20***, baki RM11.20 akan ditolak dalam **bulan berikutnya** (sekiranya tiada tuntutan yang direkodkan pada bulan Julai). Baki semasa dalam Akaun Bersama untuk bulan Julai adalah RM22:

$$\text{RM42 - RM20 = RM22}$$

Oleh kerana baki Akaun Bersama kurang daripada RM40, RM60 akan dicaj secara automatik daripada kad kredit/debit anda bagi menambah nilai bayaran Sumbangan Pendahuluan anda.

$$\text{RM22} + \text{RM60} = \text{RM82}$$

Bulan
Berikutnya
(1 Ogos)



Baki
permulaan
dalam Akaun
Bersama
selepas
penolakan
= **RM82**

RM11.20 akan ditolak daripada Akaun Bersama peserta bagi pembayaran tuntutan dari bulan sebelumnya.

$$\text{RM82 - RM11.20} = \text{RM70.80}$$

Jumlah potongan setiap peserta untuk dua bulan berturut-turut:

$$\text{RM20} + \text{RM11.20} = \text{RM31.20}$$




*Tertakluk pada perubahan dan kami akan memberi notifikasi 90 hari sebelum pemindaan dibuat.

BAGAIMANA UNTUK MELANGGAN PRUBSN AMAN?



1 Muat turun PruBSN Aman



2 Lengkapkan maklumat anda seperti paparan skrin




3 Pilih pelan anda - Individu



4 Masukkan kod rujukan 601220537188 dan mara ke bahagian pengakuan



5 Isikan maklumat peribadi anda untuk langganan dan lengkapkan pernyataan kesihatan.



6 Semak semula maklumat anda



7 Mengakui senarai deklaras



8 Buat pembayaran



9 Anda kini sebahagian daripada komuniti PruBSN Aman

APAKAH MANFAAT-MANFAAT PRUBSN AMAN?

MENYERTAI KOMUNITI

Dengan melanggan PruBSN Aman, anda dan para peserta lain saling bersetuju untuk sama-sama membantu dari segi kewangan.

LANGGANAN MUDAH

Hanya beberapa minit untuk melanggan. Laporan perubahan tidak perlu dilampirkan.

BERPATUTAN

Hanya RM120 diperlukan untuk melengkapkan langganan anda. Amaun tuntutan akan dikongsi apabila berlakunya kematian di kalangan peserta.

KETELUSAN

Anda dapat melihat statistik terkini seperti bilangan peserta, amaun tuntutan dan baki Akaun Bersama secara serta-merta.

TAMBAH NILAI AUTOMATIK

Simpan butiran kad debit/kredit anda di dalam aplikasi supaya tambah nilai boleh dibuat dengan lancar apabila tambah nilai automatik diperlukan.

MANFAAT KHAIRAT

RM3,000 akan dibayar terus kepada Penyedia Perkhidmatan Pengebumian, sekiranya penama anda memilih untuk menggunakan perkhidmatan mereka.

PERKHIDMATAN PENGEBUMIAN EKSKLUSIF

Hubungi MyAngkasa Mukmin di talian 601110525907. Mereka akan membantu dengan urusan pengebumian.

MANFAAT KEMATIAN

RM7,000 akan dibayar kepada penama anda. RM10,000 akan dibayar kepada penama anda sekiranya perkhidmatan pengebumian tidak dimanfaatkan.

MUDAH DIGUNAKAN


Penama anda hanya perlu menyerahkan tuntutan kematian secara maya melalui aplikasi ini.

MENARIK DIRI PADA BILA-BILA MASA


Kebolehan untuk menarik diri pada bila-bila masa. Anda akan menerima kembali baki daripada Akaun Bersama anda.




BAGAIMANA MEMBUAT TUNTUTAN?



Pilih "Submit a Claim"




Pilih "Buat tuntutan baru"



Pilih "Teruskan"



Pilih "Ya" jika anda menggunakannya



Semak semula maklumat tuntutan anda dan pilih "Teruskan"



Semak Deklarasi dan klik "Hantar"



Nombor Tuntutan anda akan dipaparkan di sini sebagai rujukan

APAKAH CIRI-CIRI PRUBSN AMAN?

JENIS	BUTIRAN
Umur Kemasukan	Umur 19 - 65 tahun
Manfaat-manfaat	<p>PruBSN Aman akan membayar manfaat masing-masing secara sekaligus:</p> <ul style="list-style-type: none">(i) Manfaat Kematian - RM7,000; akan dibayar kepada penama; dan(ii) Manfaat Khairat - RM3,000; akan dibayar kepada Pengurus Perkhidmatan Pengebumian sekiranya waris anda memilih untuk menggunakan perkhidmatan pengurusan pengebumian. Sekiranya perkhidmatan pengurusan pengebumian tidak digunakan, Manfaat Khairat ini akan dibayar kepada penama anda; dan(iii) Baki amaun dalam Akaun Bersama anda (sekiranya ada); akan dibayar kepada penama.
Tempoh Manfaat	Boleh diperbaharui setiap tahun sehingga umur 70 tahun
Sumbangan Pendahuluan	<p>RM120; dikenal sebagai Sumbangan Pendahuluan dan sebahagian daripada amaun ini akan dimasukkan ke dalam Akaun Bersama anda. Apabila baki Akaun Bersama anda jatuh di bawah RM40*, PruBSN Aman akan Tambah Nilai Sumbangan Pendahuluan secara automatik sebanyak RM60* daripada kad kredit/debit anda. Maklumat potongan, caj dan baki Akaun Bersama sedia ada dalam aplikasi mudah alih PruBSN Aman.</p> <p>*Tertakluk pada perubahan dan kami akan memberi anda pemberitahuan awal 90 hari sebelum pemindaan.</p>
Tempoh Tamat Perlindungan	Sehingga umur 70 tahun
Pengecualian Cukai	Ya
Lampiran Rider	Tiada

APAKAH CAJ DAN POTONGAN YANG TERMASUK DALAM PRUBSN AMAN?

JENIS	BUTIRAN
Caj <i>Wakalah</i> Pendahuluan	RM30 semasa pendaftaran
Caj <i>Wakalah</i> Tahunan	RM15 semasa pembaharuan
Caj Tuntutan <i>Wakalah</i>	Sebanyak 4% daripada bayaran tuntutan setiap bulan. Hanya dibayar apabila terdapat sebarang bayaran tuntutan.

NOTA PENTING

1. Brosur ini tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk sebelum menyertai pelan ini dan merujuk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri pelan ini.
2. Ini adalah pelan takaful keluarga yang boleh diperbaharui setiap tahun yang memberikan perlindungan terhadap kematian sehingga umur 70 tahun, tertakluk pada kebolehan pembaharuan pelan.
3. PruBSN Aman berdasarkan konsep takaful di mana peserta-peserta pelan ini menyediakan pertolongan bersama (Ta'awun) antara satu sama lain pada masa musibah secara telus. Peserta-peserta secara sukarela membuat komitmen untuk berkongsi kos tuntutan yang dinasihatkan oleh PruBSN dari semasa ke semasa. Setelah anda menyertai dan membuat Sumbangan Pendahuluan, sebahagian daripada Sumbangan Pendahuluan anda akan ditolak sebagai Caj Wakalah Pendahuluan, iaitu caj untuk perkhidmatan yang dibekalkan untuk sijil anda, dan baki akan disimpan di dalam Akaun Bersama anda. Anda juga akan dinasihatkan mengenai jumlah Potongan Bulanan yang perlu ditolak daripada Akaun Bersama anda untuk melindungi amaun tuntutan (mungkin termasuk amaun yang dibawa ke hadapan dari bulan sebelumnya) serta Caj Tuntutan Wakalah dan Caj Wakalah Tahunan (semasa pembaharuan sijil).
4. Sekiranya anda gagal membuat bayaran untuk Tambah Nilai Sumbangan Pendahuluan dalam tempoh ihsan iaitu sehingga hari pertama bulan berikutnya selepas menerima notifikasi, sijil anda akan ditamatkan dan tidak lagi berkuat kuasa. Pemulihan tidak dibenarkan untuk sijil yang telah ditamatkan.
5. Perlindungan untuk Manfaat Kematian akibat kematian semula jadi hanya akan bermula 30 hari selepas penyertaan pelan ini.
6. Terdapat tempoh rujukan percuma selama 15 hari selepas penyertaan pelan ini yang membolehkan anda untuk menyemak semula bagi memastikan sama ada pelan ini memenuhi keperluan anda. Sekiranya anda menarik diri daripada penyertaan dalam tempoh ini, PruBSN akan mengembalikan Sumbangan Pendahuluan yang telah dibayar.
7. Anda boleh menarik diri daripada penyertaan pada bila-bila masa selepas tempoh rujukan percuma. Walau bagaimanapun, perlindungan akan diteruskan sehingga hari pertama bulan berikutnya selepas notifikasi anda dan PruBSN akan mengembalikan sebarang baki ke dalam Akaun Bersama anda.
8. Caj-caj, sumbangan pendahuluan dan tambah nilai sumbangan yang berkaitan tertakluk pada sebarang perubahan. PruBSN akan memberi notifikasi 90 hari sebelum pemindahan dibuat.
9. Di dalam brosur ini, Umur merujuk pada Umur pada Hari Lahir Akan Datang kecuali dinyatakan sebaliknya.
10. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar merupakan jumlah yang anda mampu bayar.
11. Bagi PruBSN Aman, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans/takaful yang berkaitan tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

PENGECUALIAN:

PruBSN Aman tidak akan membayar Manfaat Kematian sekiranya kematian secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh bunuh diri, semasa waras atau tidak waras.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk maklumat lanjut.

APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam

Takaful diambil daripada istilah Arab '*kafala*' yang membawa erti "**Jaminan bersama**" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.



PERTOLONGAN BERSAMA



**PERLINDUNGAN BERSAMA
DARIPADA KERUGIAN**



TANGGUNGJAWAB BERSAMA



Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip "***Ta`awun***" (**kerjasama/pertolongan bersama**) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarru` at*** (kebajikan).

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

PruBSN Aman adalah produk yang patuh Syariah.


Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(Company No. 200601020898)

Level 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

 03 2053 7188

 customer@prubsn.com.my



SMS PruBSN dan hantarkan kepada 33080



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad



Prudential BSN Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Prudential BSN Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan September 2020.